

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

1. Apakah unjuran pertumbuhan industri perhotelan di Pulau Pinang pada masa kini dan masa depan?
  - (a) Huraikan hasil fi hotel yang dikutip oleh Kerajaan Negeri sejak Pilihan Raya Negeri (PRN) 15.
  - (b) Apakah mekanisme yang dipakai oleh Kerajaan Negeri bagi memantau kutipan daripada pengusaha-pengusaha hotel ini diserahkan sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Industri perhotelan di Pulau Pinang terus pesat berkembang dengan pembukaan hotel terkemuka seperti Hotel Crowne Plaza dan Bertam Resort di Seberang Perai pada tahun 2023, Hotel Marriot pada awal tahun 2024. Terdapat pengumuman oleh pihak pemilik-pemilik hotel terhadap perancangan pembinaan, pembukaan serta pengubahsuaian hotel-hotel pada beberapa tahun yang akan datang.
  - (a) Hasil fi hotel yang dikutip oleh Kerajaan Negeri sejak PRN 2015 adalah seperti jadual berikut:

| <b>TAHUN</b> | <b>JUMLAH (RM)</b>                |
|--------------|-----------------------------------|
| 2022         | 1,458,591.00                      |
| 2023         | 10,628,531.12                     |
| 2024         | 8,625,617.00 (sehingga September) |

Jadual 1: Kutipan Fi Hotel Mengikut Tahun

- (b) Mekanisme yang dipakai oleh Kerajaan Negeri bagi memantau kutipan daripada pengusaha-pengusaha hotel ini diserahkan sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri adalah dengan penambahbaikan ke atas Borang Jumlah Kutipan Fi Hotel (Borang KT 1) bagi memastikan bilangan bilik hotel yang terjual dan menentukan jumlah sebenar fi hotel yang perlu dibayar telah dilaksanakan dengan mewajibkan pengusaha hotel untuk membuat pengesahan jualan atau melampirkan penyata jualan bersekali dengan Borang KT1. Pengisian Borang KT1 yang ditambah baik ini telah diselaraskan dan diguna pakai oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

PBT selaku pihak yang bertanggungjawab melakukan kutipan fi hotel juga melaksanakan langkah-langkah berikut:

(i) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)

- (1) Membuat pemeriksaan ke atas borang pengisytiharaan yang diserahkan kepada majlis;
- (2) Mengemaskini rekod bayaran setiap bulan menerusi laporan penjualan bilik secara bulanan; dan
- (3) Menyemak semula laporan kutipan fi hotel semasa proses pembaharuan lesen hotel setiap tahun.

(ii) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

- (1) Jabatan merekodkan bayaran fi hotel mengikut senarai hotel/rumah tumpangan/motel yang berlesen mengikut bulan dan tahun;
- (2) Bagi pengusaha hotel/rumah tumpangan/motel yang gagal menjelaskan bayaran fi hotel mengikut tempoh yang ditetapkan, pihak MBSP akan mengeluarkan notis tuntutan bayaran fi hotel dan setiap notis dicaj akan dengan kadar RM5.00/notis sebagai denda bayaran lewat kepada pengusaha-pengusaha hotel/rumah tumpangan/motel. Tempoh selama 14 hari diberikan untuk menjelaskan tunggakan bayaran fi hotel kepada MBSP;
- (3) Mengambil tindakan pengeluaran notis tawaran kompaun kepada hotel/rumah tumpangan/motel yang gagal

menjelaskan bayaran fi hotel bagi kesalahan pelanggaran syarat-syarat pelesenan; dan

- (4) Membuat sekatan pembaharuan lesen bagi pengusaha yang gagal mematuhi arahan notis dan syarat-syarat yang dikeluarkan oleh MBSP.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

2. Bagaimanakah pencapaian semasa untuk pelancongan perubatan dan apakah kelebihan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan perubatan?
  - (a) Adakah sebarang levi dikenakan kepada pelancong-pelancong perubatan asing?
  - (b) Jika tidak, adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk mengenakan caj terhadap pelancong-pelancong perubatan asing?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Mengikut statistik dari Malaysia Healthcare Travel Council, Pulau Pinang merupakan negeri yang paling cemerlang dalam sektor pelancongan perubatan. Pulau Pinang merekodkan pencapaian 45% daripada hasil pelancongan perubatan di seluruh Malaysia.

Pulau Pinang mempunyai rangkaian hospital dan klinik dengan reputasi yang diiktiraf antarabangsa. Institusi-institusi perubatan ini menawarkan rawatan perubatan terkemuka dengan teknologi moden dan dianggotai pakar yang berpengalaman, setanding dengan standard penjagaan kesihatan di negara maju.

Terletak di Asia Tenggara, Pulau Pinang mudah diakses dari negara dan wilayah jiran melalui penerbangan terus dari negara seperti Singapura, Indonesia dan Thailand.

Banyak penyedia penjagaan kesihatan di Pulau Pinang memenuhi keperluan pesakit antarabangsa dengan kakitangan yang boleh berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, Mandarin, Bahasa Malaysia, dan juga bahasa serantau yang lain. Kebanyakan hospital dilengkapi dengan pusat khas bagi pesakit antarabangsa khusus bagi membantu berkaitan urusan visa, penjagaan selepas rawatan dan lain-lain perkara berkaitan.

Pulau Pinang menjadikan perkhidmatan kesihatan sebagai satu sub sektor pelancongan. Pesakit sering menyambung lawatan mereka dengan bercuti bagi menikmati warisan budaya, pemandangan, makanan dan tapak bersejarah di Pulau Pinang. Ini menawarkan pengalaman perjalanan yang unik setelah mereka menerima rawatan di Pulau Pinang.

- (a) Pada masa ini, tiada levi dikenakan terhadap pelancong-pelancong perubatan asing.
- (b) Kerajaan Negeri bersedia mempertimbangkan pelaksanaan caj terhadap pelancong-pelancong perubatan asing pada masa akan datang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

3. Apakah pencapaian muzium dan balai seni lukis Pulau Pinang pada tahun 2024 dan perancangan untuk tahun berikutnya?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

**3. (i) Pencapaian Muzium Negeri Pulau Pinang (LMNPP)**

Pada tahun 2024 Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang (LMNPP) telah menganjurkan Festival Hari Muzium Antarabangsa 2024 kali ke 28 (HMA2024) pada 13 hingga 23 Mei 2024 dengan tema Muzium untuk Pendidikan & Penyelidikan. Seramai 1000 pengamal permuziuman dari seluruh Malaysia termasuk juga institusi-institusi serantau dari negara-negara jiran terlibat. Pelbagai aktiviti dilaksanakan iaitu aktiviti Pameran Permuziuman di Dewan Sri Pinang, acara sukan balapan di Padang Kota, acara sukan pantai di Batu Ferringhi, Program Muzium dan Komuniti di Lebuhr Armenian, bengkel dan seminar di kawasan Dewan Sri Pinang, persembahan pentas dan lain-lain acara berbentuk *edutainment*.

Program-program ini adalah percuma dan terbuka kepada penyertaan dan kunjungan orang awam. Selain pengisian festival yang padat dengan pameran dan program berteraskan sejarah, seni, warisan serta budaya yang memberi manfaat sejagat, penganjuran HMA2024 ini juga menerapkan aktiviti-aktiviti berbentuk sains dan teknologi yang turut menasaskan kanak-kanak seawal usia empat (4) tahun hingga peringkat universiti. Sasaran pengunjung bagi HMA2024 adalah seramai 200,000 orang pengunjung. Namun, hasil daripada impak konsep pengisian yang kreatif dan mantap, jumlah pengunjung yang direkodkan melalui data sistem *algorithm* ialah seramai 354,140 orang

secara fizikal manakala sejumlah 128,079 orang direkodkan melalui atas talian.

HMA 2024 mencatatkan Pulau Pinang sebagai penganjur dan tuan rumah pertama membangunkan aplikasi untuk kemudahan perkhidmatan para kontinjen. Penerokaan produk-produk pelancongan ekonomi kreatif di seluruh daerah Negeri Pulau Pinang bagi meningkatkan kesedaran dan sokongan terhadap industri kreatif tempatan. Kolaborasi yang erat dilakukan antara organisasi persekutuan, negeri, dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi memastikan kesinambungan serta kemantapan acara ini.

Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang sentiasa proaktif dalam memperkasakan perancangan dan pelaksanaan yang mampan bagi program dan aktiviti sepanjang tahun. Perancangan utama LMNPP bagi tahun 2025 adalah seperti berikut:

- (a) Pembukaan semula Muzium Negeri Pulau Pinang di Bangunan Farquhar pada pertengahan tahun;
- (b) Penganjuran Pameran Silat Siku 12 sempena Ulang Tahun Seni Silat Siku 12;
- (c) Bengkel Sejarah & Warisan Negeri Pulau Pinang; dan
- (d) Bengkel Konservasi Koleksi & Artifak Siri III.

#### **(ii) Pencapaian Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang (BSLNPP)**

Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang (BSLNPP) ialah sebuah badan berkanun di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ia terletak di Dewan Sri Pinang. Terdapat dua (2) buah galeri iaitu galeri koleksi tetap dan juga galeri kontemporari.

- (a) BSLNPP merupakan antara galeri yang paling aktif di Malaysia mengadakan pameran. Setiap tahun tidak kurang daripada lapan (8) buah pameran dianjurkan tahun 2024, BSLNPP menganjurkan sebanyak sembilan (9) buah pameran iaitu tiga (3) pameran solo, satu (1) pameran pertandingan, empat (4) dari persatuan-persatuan seni dan satu (1) pameran antarabangsa dari Thailand. Terdapat beberapa permohonan pameran yang terpaksa dibawa ke tahun berikutnya disebabkan kekangan ruang dan tempoh pameran.

- (b) BSLNPP turut menjadi salah satu tarikan pelancongan. Di sinilah pelancong dari luar termasuk antarabangsa didedahkan dengan nilai warisan kesenian, seni visual tanah air khususnya Pulau Pinang.
- (c) BSLNPP menjadi medan kepada pelukis untuk berkumpul dan bertemu para pencinta seni tanjak. Biasanya keadaan ini akan dapat dilihat pada majlis perasmian pameran. Inilah antara peranan dan objektif penubuhan BSLNPP dalam menyemarakkan lagi arena visual seni tempatan. BSLNPP merupakan jambatan yang menghubungkan pelukis dan juga pelawat atau pencinta seni. Setiap karya juga merupakan medium komunikasi di antara pelukis dan masyarakat. Selain mempamerkan bakat dan kreativiti, pelukis turut mencurahkan pengalaman, ilmu, luahan rasa, eksplorasi dalam karya seni tampak.
- (d) BSLNPP juga menjalankan penyelidikan dan pemeliharaan ke atas karya-karya koleksi tetap bagi memastikan maklumat berkenaan dengan karya adalah tepat. Maklumat ini turut berguna dalam membantu penyelidik dalam membuat kajian semasa lawatan berpandu atau temubual.
- (e) BSLNPP juga memberikan pendidikan seni secara tidak formal kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira had umur. Bengkel dan bicara seni juga diadakan bersempena dengan sesuatu pameran.

**(iii) Perancangan BSLNPP untuk tahun berikutnya:**

- (a) BSLNPP merancang untuk menganjurkan pameran Kartun Budaya ASEAN bagi tahun 2025. Ia ada sebuah pameran yang terdiri dari karya-karya kartun dari negara-negara ASEAN. Tema pameran ini adalah 'BUDAYA DI NEGARA SENDIRI'.
- (b) Disamping itu, kartunis dari negara-negara ASEAN akan turut dijemput untuk mengambil bahagian dalam forum dan mengendalikan Bengkel Melukis Kartun serta Demonstrasi Melukis Kartun.
- (c) Pameran '*Aqua-Marin*' dijadual untuk diadakan di Galeri Aras 3, BSLNPP pada bulan September hingga Oktober 2025. Pameran ini adalah kerjasama di antara BSLNPP dan Pusat Kajian Marin &

Pantai / *Centre for Marine and Coastal Studies* (CEMACS),  
Universiti Sains Malaysia.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

4. Bagaimanakah usaha dan pencapaian Kerajaan Negeri menggalakkan aktiviti kesenian untuk mempromosikan Pulau Pinang di peta dunia?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Kerajaan Negeri melalui *Penang Global Tourism* (PGT) giat mempromosikan acara seni dan budaya di Negeri Pulau Pinang. Acara tahunan berimpak tinggi seperti *George Town Festival* (GTF) yang diadakan untuk meraikan warisan unik dan kepelbagaian budaya telah berjaya menarik penglibatan penggiat seni dan pelancong dari seluruh dunia. Acara tersebut telah berkembang menjadi salah satu acara seni utama di Asia Tenggara yang menampilkan persembahan, pameran dan bengkel yang menggabungkan pengaruh tempatan dan antarabangsa. GTF menawarkan platform untuk penggiat seni Malaysia dan asing untuk bekerjasama dan mempamerkan hasil kerja mereka serta mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi yang kaya dengan kebudayaan.

Selain itu, PGT juga menyokong dan mempromosikan inisiatif tempatan seperti pameran seni dan persembahan yang menggalakkan aktiviti pelancongan. Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan untuk memperkayakan landskap budaya tempatan tetapi juga untuk mengembangkan sektor pelancongan Pulau Pinang sebagai hab industri kreatif. Di samping itu, PGT juga telah bekerjasama dengan artis untuk kerja-kerja pemulihan *murals* serta

*container arts* untuk meletakkan nama Pulau Pinang di peta kesenian dunia.

Pada 7 Julai 2024 umpamanya, Kerajaan Negeri melalui *George Town World Heritage Incorporated* telah berjaya menganjurkan *George Town Heritage Celebrations 2024* dengan kerjasama 22 perbadanan komuniti tempatan. Sebanyak 18,000 orang telah menyertai program ini melalui aktiviti Bengkel Warisan dan Tarian Interaktif seperti perarakan chingay, wayang kulit, batik, manik nyonya, tanglung buluh, rempah-ratus daripada komuniti Hindu, Thiru Udayada, Inai, patung doh, boria, dikir barat, dan tarian Loy Krathong.

Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang (BSLNPP) sentiasa menggalakkan pameran, program dan aktiviti-aktiviti berbentuk seni visual. Antara program dan aktiviti seni tampak yang telah dijalankan bagi tahun ini ialah bengkel konservasi lukisan, '*drawingthon*', '*Material Telling Stories*' with Prof Jai and Urban Sketch, '*Let's Talk Art: Inspiring Perspectives: A Dialogue with Emerging Artists*' dan bengkel pembuatan topeng Jikey. Bagi tahun 2024 sebanyak sembilan (9) buah pameran telah berjaya dianjurkan iaitu pecahan kepada tiga (3) Pameran Solo, satu (1) Pameran Pertandingan Seni Lukis Terbuka Pulau Pinang dan empat (4) Pameran dari Persatuan-Persatuan Seni Tanahair dan satu (1) Pameran Antarabangsa dari Thailand.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

5. Apakah usaha/inisiatif atau tindakan telah dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dalam menangani/membanteras sindiket sami palsu yang semakin berleluasa?
- (a) Berapakah operasi rondaan telah dilaksanakan sejak Pilihan Raya Negeri (PRN) 15?
  - (b) Berapakah orang ditahan dan disabitkan kesalahannya oleh PDRM dan JIM sejak PRN 15?
  - (c) Apakah cadangan PDRM dan JIM dalam memerangi masalah sindiket sami palsu?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Bagi menangani/ membanteras sindiket sami palsu berleluasa, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) menasihatkan orang ramai supaya tidak terpedaya dengan memberikan sumbangan kepada sami palsu di sekitar Pulau Pinang. Sekiranya ingin menghulurkan bantuan, orang awam digalakkan supaya memberikan dalam bentuk makanan, bukan bentuk wang. Orang ramai perlu melaporkan dengan segera kepada pihak berkuasa sekiranya ternampak aktiviti sami palsu.

Selain itu, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Negeri Pulau Pinang juga akan melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi-agensi tertentu untuk mengekang isu berkaitan.

- (a) Berdasarkan rekod pihak PDRM, sejak dari bulan Ogos 2023 sehingga September 2024, sebanyak lima (5) operasi telah dilaksanakan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersil yang dinamakan sebagai Ops Gagak untuk membanteras kegiatan penipuan sami/ bomoh di Pulau Pinang.

Berdasarkan rekod pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Negeri Pulau Pinang, sebanyak 995 operasi rondaan telah dilaksanakan sejak Pilihan Raya Negeri (PRN) Ke-15.

- (b) Berdasarkan rekod pihak PDRM, dari bulan Januari 2023 sehingga September 2024, statistik penipuan sami/ bomoh di Pulau Pinang menunjukkan terdapat lima (5) kertas siasatan dibuka dan disiasat di bawah seksyen 420 KK dengan jumlah kerugian berjumlah RM124,400.00. Dari tempoh Januari 2023 sehingga Oktober 2024, terdapat 25 orang ditangkap, terdiri daripada 23 orang lelaki dan perempuan bukan warganegara manakala dua (2) orang yang ditangkap adalah warganegara.

Berdasarkan rekod pihak JIM Negeri Pulau Pinang, sebanyak 1,464 orang telah ditahan dan 501 orang disabitkan kesalahan sejak PRN 15.

- (c) Pihak PDRM dan JIM akan terus menasihatkan orang ramai supaya tidak terpedaya dengan memberikan sumbangan bentuk wang kepada sami palsu. Orang ramai juga diminta untuk melaporkan dengan segera kepada pihak berkuasa sekiranya ternampak aktiviti sami palsu.

Pihak JIM Negeri Pulau Pinang akan terus melaksanakan operasi bersepadu untuk mengekang isu berkaitan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

6. Berapakah projek pembaikan bangunan warisan kategori 1 telah bermula dan/atau telah disiapkan bagi peruntukan insentif yang dibiayai melalui George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) bertujuan pembaikan bangunan warisan?
- (a) Adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) memberi keutamaan kepada permohonan kerja-kerja pembaikan bawah peruntukan ini bagi memastikan kerja pembaikan bangunan warisan kategori 1 mampu disiapkan dalam tempoh masa?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Setakat 30 Oktober 2024, 50 bangunan warisan kategori I telah menerima tawaran geran dibawah Insentif Pembaikan Bangunan Warisan Kategori 1. Ke semua 50 dokumen perjanjian telah ditawarkan, sembilan (9) perjanjian telah lengkap ditandatangani dan disetem antara George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) dengan pemilik bangunan Kategori I. Kesemua dokumen perjanjian dijadualkan untuk siap pada Disember 2024.

Kerja-kerja pembaikan dijangka bermula pada November 2024 selepas Permit Membaiki Bangunan dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

- (a) MBPP telah memberi keutamaan kepada permohonan kerja-kerja pembaikan di bawah Insentif Pembaikan Bangunan Warisan Kategori I dan Kategori II dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang di mana MBPP akan memberi kelulusan melalui permohonan Permit Membaiki Bangunan bagi mempercepatkan proses kelulusan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

7. Apakah status peruntukan insentif yang dibiayai melalui George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) bertujuan pembaikan bangunan warisan kategori 2?
- (a) Adakah tempoh penggunaan peruntukan bagi tujuan pembaikan bangunan warisan kategori 2 ini akan dipanjangkan sehingga tahun 2025 bagi memastikan kesemua kerja-kerja pembaikan bagi penerima insentif dapat disempurnakan?
- (b) Nyatakan tempoh tersebut.

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Setakat 30 Oktober 2024, sebanyak 437 permohonan Insentif Pembaikan Bangunan Warisan Kategori 2 telah dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Harga. Sebanyak 245 permohonan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Geran, manakala 192 permohonan telah ditolak dan dalam proses rayuan dan penilaian semula. Jumlah geran yang diluluskan setakat ini adalah berjumlah RM5,156,167.00 daripada RM6,000,000.00 yang dibajetkan bagi Insentif Pembaikan Bangunan Warisan Kategori 2.
- (a) Tempoh penggunaan Insentif Pembaikan Bangunan Warisan Kategori 2 ini akan dipanjangkan sehingga tahun 2025 dan dijangka peruntukan tersebut akan habis digunakan pada tahun berkaitan.

- (b) Tempoh penggunaan peruntukan bagi setiap permohonan yang berjaya adalah 12 bulan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

8. Apakah status peruntukan pembiayaan sebanyak RM25 juta oleh YAB Perdana Menteri bagi tujuan pemeliharaan tapak warisan di negeri Melaka?
  - (a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersiap sedia untuk memohon sebahagian atau keseluruhan peruntukan tersebut bagi tujuan pemeliharaan Tapak Warisan Dunia United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) George Town sekiranya tidak dihabiskan oleh Kerajaan Negeri Melaka?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

8. Memandangkan peruntukan sebanyak RM25 juta oleh YAB Perdana Menteri bagi tujuan pemeliharaan tapak warisan di Negeri Melaka adalah disalurkan secara langsung kepada Negeri Melaka, pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang tiada maklumat berkenaan perkara ini.
  - (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) dalam proses menyempurnakan komponen projek yang telah dirancang dan akan memanfaatkan rakyat Negeri Pulau Pinang secara maksima melalui peruntukan yang telah diterima. Sekiranya terdapat peluang baharu ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan, pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengemukakan permohonan baharu untuk tujuan pemeliharaan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

9. Apakah cara penyelesaian bagi parkir bas persiaran di pusat bandar yang sering kala menyebabkan kesesakan lalu lintas?
- (a) Adakah perbincangan meja bulat dengan pengusaha-pengusaha berkenaan diadakan oleh Kerajaan Negeri?
  - (b) Apakah sebab pemandu-pemandu bas persiaran ikut arahan di Kuala Lumpur dan Melaka, tetapi tidak mematuhi peraturan di Pulau Pinang?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Antara cara penyelesaian kesesakan lalu lintas yang disebabkan oleh bas-bas persiaran di pusat bandar adalah seperti berikut:
- (i) Penyediaan tempat khas yang boleh digunakan oleh bas persiaran semasa menunggu, menurun dan mengambil penumpang di kawasan yang sesuai;
  - (ii) Tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap bas persiaran yang berhenti atau diletakkan di dalam kawasan larangan;
  - (iii) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) juga telah menyediakan satu kawasan di Jalan Tanjung Tokong untuk bas-bas persiaran menunggu setelah menurunkan penumpang dan sebelum mengambil semula penumpang; dan

- (iv) Semua pembangunan baharu dari jenis hotel dan pangsapuri perkhidmatan telah disyaratkan untuk menyediakan petak-petak untuk peletakan bas persiaran. Selain itu, MBPP mempunyai cadangan untuk menjadikan tanah bersebelahan Kompleks Prangin Mall untuk dijadikan tempat hentian bas persiaran. Perbincangan lanjut akan diadakan bersama Kerajaan Negeri mengenai cadangan ini dalam masa terdekat.
- (a) Buat masa ini, tiada perbincangan meja bulat dibuat bersama pengusaha-pengusaha bas persiaran oleh MBPP atau Kerajaan Negeri.
- (b) Antara sebab pemandu-pemandu bas persiaran tidak mematuhi peraturan di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-
  - (i) Sikap pemandu bas yang tidak bertanggungjawab;
  - (ii) Tindakan penguatkuasaan yang kurang efektif oleh Agensi Penguat Kuasa;
  - (iii) Kebanyakan jalan-jalan utama tidak mempunyai kelebaran jalan yang mencukupi; dan
  - (iv) Kurang tempat peletakan, menunggu dan menurunkan penumpang bas persiaran yang berada di dalam kawasan bandar.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

10. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menangani isu kenderaan berat seperti bas kilang / sekolah / lori besar yang diletak di kawasan perumahan?
- (a) Pihak manakah yang mempunyai kuasa penguatkuasaan terhadap kenderaan tersebut?
  - (b) Apakah tindakan terhadap kenderaan berat yang meletak di sekitar kawasan perumahan?
  - (c) Nyatakan operasi penguatkuasaan telah diambil sejak Pilihan Raya Negeri (PRN) 15.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Isu kenderaan berat seperti bas kilang / sekolah / lori besar yang diletakkan di kawasan perumahan menjadi isu yang makin meruncing pada ketika ini. Ketidalcukupan serta ketiadaan tempat letak kenderaan berat yang sesuai telah menyebabkan kenderaan-kenderaan tersebut diletakkan secara berselerak di kawasan-kawasan perumahan. Keadaan ini telah memberi implikasi negatif dan menimbulkan pelbagai masalah termasuk menimbulkan keadaan yang tidak selamat kepada pengguna jalan raya. Banyak kes kemalangan maut telah berlaku yang melibatkan orang awam dan kenderaan lain disebabkan oleh penggunaan ruang tepi jalan sebagai kawasan parkir yang digunakan oleh kenderaan berat.
- (a) Berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 48(2), Seksyen 65(1) dan Seksyen 79(2), Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 [Akta 333], dinyatakan bahawa seorang

pegawai polis, pegawai pengangkutan jalan atau mana-mana pegawai pihak berkuasa yang berkenaan mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap kesalahan yang dilakukan berkaitan kenderaan berat diparkir di kawasan perumahan.

Pihak yang mempunyai kuasa penguatkuasaan terhadap kenderaan berat adalah seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).

(b) Antara tindakan yang boleh diambil mengikut agensi adalah seperti berikut:

(i) JPJ

Mengeluarkan notis kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] kepada pemilik kenderaan berat yang enggan mematuhi undang-undang ditetapkan.

(ii) PDRM

Menguatkuasakan undang-undang dengan memberi notis PDRM(K)170 iaitu saman halangan ke atas kenderaan sekiranya berlaku halangan lalu lintas.

(ii) PBT

PBT boleh mengeluarkan notis kepada pemilik kenderaan untuk memindahkan kenderaan tersebut dalam tempoh tertentu. Pihak PBT juga boleh mengenakan tindakan kompaun atas kesalahan halangan lalu lintas berdasarkan peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] yang memberikan kuasa kepada PBT untuk menguatkuasakan peraturan berkaitan penggunaan jalan dan parkir.

(iv) APAD

APAD selaku agensi yang melesenkan kenderaan berat tersebut telah menetapkan garis panduan dan syarat-syarat pelesenan termasuk pelesenan perlu mengemukakan bukti tempat letak kenderaan yang wajar. Tindakan yang boleh diambil terhadap pelesenan adalah menggantung atau membatalkan lesen pemandu yang melakukan kesalahan atau melanggar syarat lesen yang telah ditetapkan berdasarkan bukti-bukti yang dikemukakan oleh pihak berkuasa yang lain.

Selain daripada itu, tindakan menyita kenderaan boleh diambil ke atas kenderaan berat yang diletakkan secara haram dan pihak berkuasa boleh mengenakan bayaran untuk tuntutan semula. Tambahan lagi, tindakan menunda kenderaan berat tersebut juga boleh diambil tetapi terdapat kekangan dalam pelaksanaannya kerana tiada lokasi atau depo khas yang bersesuaian dan keperluan kenderaan kembali yang bersesuaian untuk menunda kenderaan berat tersebut.

- (c) Berdasarkan statistik, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengambil tindakan ke atas 125 buah kenderaan berat atas kesalahan meletakkan kenderaan di tempat yang tidak dibenarkan. Sebanyak 209 notis telah dikeluarkan sejak Ogos 2023 sehingga Oktober 2024 termasuk melalui Operasi Bersepadu dengan agensi PDRM dan PBT secara berterusan. Berikut merupakan maklumat berkaitan operasi (OPS Aduan Parkir) yang telah dijalankan:

| <b>TAHUN</b>              | <b>BILANGAN OPERASI</b> | <b>BILANGAN TINDAKAN</b> | <b>JUMLAH NOTIS P23/115</b> |
|---------------------------|-------------------------|--------------------------|-----------------------------|
| 2023<br>(OGOS-DISEMBER)   | 4                       | 32                       | 64                          |
| 2024<br>(JANUARI-OKTOBER) | 10                      | 93                       | 145                         |
| <b>JUMLAH</b>             | <b>14</b>               | <b>125</b>               | <b>209</b>                  |

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

11. Apakah status larangan aktiviti pemunggahan di bandaraya pada waktu yang ditetapkan?
- (a) Adakah ini menambahbaikkan keadaan trafik?
  - (b) Adakah petak punggah-memunggah yang mencukupi disediakan di setiap jalan di bandaraya?
  - (c) Bersetuju atau tidak bahawa kesesakan trafik di bandaraya tidak dapat diselesaikan dengan polisi ini tetapi tindakan penguatkuasaan adalah lebih berkesan?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memandang serius berkaitan masalah kesesakan trafik yang berlaku di Negeri Pulau Pinang serta sentiasa progresif dalam merancang pelbagai cara untuk mengawal punca-punca berlakunya kesesakan lalu lintas khususnya berkaitan dengan pengawalan aktiviti pemunggahan di kawasan bandar raya.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan dan penguatkuasaan polisi pengawalan aktiviti ini adalah berbeza mengikut kawasan pentadbiran PBT masing-masing kerana ia dipengaruhi oleh faktor geografi dan pembangunan yang pesat bagi sesebuah kawasan yang terlibat

Kawasan Bandar Raya George Town perlu diberi perhatian yang lebih oleh pihak **Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)** kerana peningkatan jumlah kenderaan yang sering kali menyebabkan kesesakan lalu lintas. Justeru itu, pihak MBPP telah melaksanakan penguatkuasaan larangan aktiviti pemunggahan semasa waktu

puncak khususnya di jalan-jalan yang dikenal pasti sebagai Fasa 1 seperti berikut:

- (i) Gat Jalan Prangin;
- (ii) Jalan Penang;
- (iii) Jalan Burma (Jalan Penang - Jalan Anson);
- (iv) Jalan Dato' Keramat (persimpangan 6 – Jalan Kampung Jawa Baru);
- (v) Lebuh Pantai (Lebuh Chulia - Bulatan King Edward);
- (vi) Lebuh Chulia (Jalan Masjid Kapitan Keling - Jalan Penang);
- (vii) Lebuh Carnarvon; dan
- (viii) Kawasan Little India (Lebuh Pasar).

Bagi pihak **Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)** pula, tiada ketetapan secara spesifik bagi masa larangan aktiviti pemunggahan di kawasan Seberang Perai kerana pemunggahan barang dibuat secara berkala dan bukan dilakukan sepanjang masa memandangkan keadaan trafik di kawasan Seberang Perai masih terkawal.

- (a) Implikasi daripada pelaksanaan inisiatif ini dapat dilihat di kawasan pentadbiran MBPP yang melaksanakan penguatkuasaan aktiviti pemunggahan pada waktu-waktu tertentu. Pelaksanaan penguatkuasaan ini dapat membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan Bandar Raya George Town terutamanya pada waktu puncak serta meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya apabila kenderaan mengadakan aktiviti pemunggahan di luar waktu puncak.
- (b) Pihak MBPP menyediakan petak untuk aktiviti pemunggahan mengikut kesesuaian di jalan-jalan sekitar kawasan pentadbiran MBPP dan petak-petak ini akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Bagi pihak MBSP pula, petak khusus untuk aktiviti pemunggahan di setiap jalan dalam kawasan bandar raya MBSP tidak disediakan.

- (c) Tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan polisi larangan waktu aktiviti pemunggahan barang di kawasan pentadbiran MBPP akan lebih berkesan dan efisien apabila dilaksanakan secara serentak, dengan pelaksanaan larangan waktu punggah-memunggah ini secara tidak langsung akan mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan Bandar Raya George Town dan meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya terutamanya pada waktu puncak. Pihak MBPP turut membuat pemantauan dan tindakan dengan lebih kerap di kawasan aktiviti pemunggahan dijalankan bagi memastikan waktu kawalan adalah dipatuhi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

12. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam pengawalan aktiviti perniagaan warga / buruh asing yang semakin serius?
- (a) Sekitar tingkat dua, KOMTAR dan Jalan Gurdwara telah pun digelar sebagai kampung warga asing, adakah kesemua aktiviti perniagaan tersebut berlesen dan dibenarkan?
- (b) Jika tidak, apakah tindakan bagi menangani isu ini?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sentiasa komited dalam memastikan bahawa setiap perniagaan yang dijalankan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Kerajaan Negeri juga memberi perhatian serius terhadap aktiviti yang dijalankan oleh warga asing terutamanya apabila ia melibatkan premis-premis perniagaan yang disyaki beroperasi tanpa lesen yang sah atau melanggar undang-undang.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui pihak MBPP bersama Jabatan Imigresen Malaysia telah mengambil langkah-langkah penguatkuasaan yang lebih tegas dan bersepadu untuk memantau aktiviti perniagaan yang melibatkan warga asing terutamanya di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan warga asing. Antara tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam pengawalan aktiviti perniagaan warga/buruh asing yang semakin serius adalah seperti berikut:

- (i) Pihak MBPP tidak mengeluarkan lesen perniagaan kepada warga asing secara individu. Kelulusan untuk penubuhan atau

pendaftaran perniagaan atau syarikat adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), yang mengawal penubuhan syarikat dan perniagaan di seluruh negara. SSM bertanggungjawab untuk memastikan bahawa hanya perniagaan yang sah dan mematuhi undang-undang yang dibenarkan beroperasi;

- (ii) Setiap permohonan lesen premis perniagaan sama ada untuk kedai atau premis komersial adalah diwajibkan untuk mengemukakan lesen perniagaan yang sah daripada SSM. Ini adalah bagi memastikan setiap perniagaan yang beroperasi mematuhi keperluan undang-undang serta mencegah aktiviti perniagaan yang tidak sah atau tidak berlesen;
- (iii) Pihak MBPP juga tidak membenarkan warga asing menyewa atau mendapatkan lot gerai di mana-mana kawasan pasar awam, kompleks penjaja atau tapak penjaja sementara. Langkah ini diambil untuk mengelakkan aktiviti perniagaan dijalankan oleh warga asing di kawasan-kawasan berkenaan dan juga melindungi peluang perniagaan bagi peniaga tempatan;
- (iv) Pihak MBPP tidak membenarkan '*subletting*' (penyewaan semula premis) atau amalan 'Alibaba' (penyerahan perniagaan sepenuhnya kepada warga asing). Sekiranya didapati berlaku, tindakan pembatalan lesen atau tindakan undang-undang lain yang bersesuaian akan diambil oleh pihak MBPP bagi memastikan perniagaan dijalankan secara sah dan adil;
- (v) Pihak MBPP sentiasa menjalankan pemantauan secara berkala terhadap premis-premis perniagaan yang berpotensi disalahgunakan oleh warga asing. Selain itu, pihak MBPP juga bersedia memberikan kerjasama penuh dengan agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia. Pada 17 Oktober 2024, pihak MBPP bersama Jabatan Imigresen Malaysia telah menjalankan operasi bersepadu di sekitar kawasan industri Bayan Lepas. Dalam operasi tersebut, empat (4) tangkapan warga asing telah dilakukan kerana didapati menjalankan perniagaan tanpa kebenaran; dan

- (vi) Statistik terkini operasi rampasan barangan dan peralatan milik warga asing yang telah dilaksanakan oleh pihak MBPP bagi tahun 2022 sehingga 2024 adalah seperti berikut:

| <b>Tahun</b>  | <b>Jumlah Operasi ke atas Perniagaan Milik Warga Asing</b> |
|---------------|--|
| 2022          | 37   |
| 2023          | 94   |
| 2024          | 182  |
| <b>Jumlah</b> | <b>313</b>   |

- (a) Berdasarkan rekod pihak MBPP, kesemua lesen perniagaan di premis sekitar KOMTAR dan Jalan Gurdwara adalah sah dan berlesen. Lesen-lesen ini dikeluarkan berdasarkan entiti penubuhan syarikat atau perniagaan yang telah didaftarkan oleh SSM. Pihak MBPP turut mengeluarkan lesen kepada Syarikat Malaysia Milikan Warganegara Asing yang berdaftar di bawah undang-undang Malaysia. Syarikat-syarikat ini mesti memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) Syarikat Sendirian Berhad atau Berhad yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia;
- (ii) Mempunyai sekurang-kurangnya seorang pengarah syarikat warganegara Malaysia; dan
- (iii) Pemilikan saham oleh warganegara asing tidak melebihi 50% daripada jumlah keseluruhan syer syarikat.

Secara keseluruhan, semua aktiviti perniagaan yang beroperasi di sekitar KOMTAR dan Jalan Gurdwara adalah berlesen dan sah dengan pematuhan terhadap undang-undang penubuhan syarikat yang ditetapkan oleh pihak SSM dan syarat yang diberikan oleh pihak MBPP. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memastikan setiap perniagaan dijalankan dengan telus dan mengikut peraturan yang ditetapkan demi kesejahteraan ekonomi negeri.

- (b) Tiada tindakan yang diambil oleh pihak MBPP kerana semua aktiviti perniagaan yang beroperasi di sekitar KOMTAR dan Jalan Gurdwara adalah berlesen dan sah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

13. Huraikan operasi Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) / Polis Diraja Malaysia (PDRM) terhadap warga asing tanpa permit sejak Pilihan Raya Negeri (PRN) 15.
- (a) Berapakah warga asing ditahan dan dituduh ke mahkamah?
  - (b) Adakah warga asing tanpa permit dihantar balik ke negara asal selepas dikesan?
  - (c) Nyatakan statistik warga asing dihantar balik ke negara asal di bawah usaha kawalan warga asing.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

13. (a) Sejak Pilihan Raya Negeri (PRN) Ke-15 yang lalu, pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Negeri Pulau Pinang telah menahan seramai 1,464 orang warga asing dan 501 orang telah dituduh di mahkamah.
- (b) Ya, warga asing tanpa permit akan dihantar balik ke negara asal selepas dikesan.
- (c) Seramai 1,530 orang warga asing telah dihantar balik ke negara asal di bawah usaha kawalan warga asing.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

14. Huraikan usaha Kerajaan Negeri bagi menyekat pemberian makanan kepada burung merpati / gagak?
- (a) Adakah tindakan diambil terhadap mereka yang memberi makanan kepada burung merpati / gagak? Jika ya, huraikan dengan jelas.
  - (b) Berapakah kekerapan operasi tangkapan burung merpati / gagak dijalankan di sekitar Bandaraya George Town?
  - (c) Huraikan hasil tangkapan tersebut.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Antara usaha-usaha yang dilakukan bagi menyekat pemberian makanan kepada burung merpati dan gagak adalah seperti berikut:
- (i) Mengedar risalah mengenai larangan memberi makanan kepada burung oleh orang awam;
  - (ii) Melaksanakan pelbagai program secara berkala dan berterusan bagi mengurangkan populasi burung gagak dan merpati di bahagian pulau. Lokaliti-lokaliti yang disasarkan termasuk kawasan-kawasan pendaratan dan persinggahan utama seperti taman-taman perumahan, kawasan-kawasan komersial dan perindustrian, kawasan persisiran pantai terutama kawasan-kawasan berpokok yang sering dikunjungi oleh burung gagak dan merpati termasuk kawasan-kawasan rekreasi dan tempat-tempat awam; dan

(iii) Pemasangan sebanyak 34 buah papan tanda peringatan mengenai larangan memberi makanan kepada burung atau haiwan di lokasi *hotspot* yang telah dikenal pasti.

(a) Tindakan penguatkuasaan turut dilakukan dengan mengeluarkan Notis Tentang Kesalahan (NTK) terhadap pemberi makanan burung (*bird feeder*) di bawah Seksyen 47(1), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] sekiranya didapati menaburkan sisa makanan di tempat awam. Sehingga bulan September 2024, beberapa tindakan operasi telah dilaksanakan di samping pengeluaran beberapa NTK kepada pemberi makanan burung seperti berikut:

| <b>BULAN</b>  | <b>BIL.OPERASI</b> | <b>JUMLAH KOMPAUN (NTK)</b> |
|---------------|--------------------|-----------------------------|
| Januari       | 1                  | 0                           |
| Februari      | 4                  | 1                           |
| Mac           | 20                 | 4                           |
| April         | 31                 | 0                           |
| Mei           | 4                  | 0                           |
| Jun           | 9                  | 1                           |
| Julai         | 10                 | 5                           |
| Ogos          | 8                  | 0                           |
| September     | 1                  | 0                           |
| <b>JUMLAH</b> | <b>88</b>          | <b>11</b>                   |

(b) Operasi tangkapan burung merpati dijalankan di sekitar kawasan George Town dengan kekerapan empat (4) kali seminggu. Kawalan gagak dijalankan secara rutin dengan kaedah perangkap dan mencangkuk sarang. Selain itu, operasi menembak gagak dijalankan dengan bantuan Kelab Menembak Pulau Pinang pada setiap hari Ahad mulai bulan Julai sehingga Disember pada setiap tahun.

(c) Berikut merupakan hasil tangkapan/pemusnahan burung merpati dan gagak dari bulan Januari hingga September 2024 iaitu:

| <b>JENIS BURUNG</b> | <b>JUMLAH (EKOR)</b> |
|---------------------|----------------------|
| Merpati             | 6,908                |
| Gagak               | 17,701               |

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

15. Kebanyakan tanah milikan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) menghadapi isu kebersihan dan kesihatan persekitaran khususnya di sekitar Blok 344 - 362 Gat Lebu Macallum.
- (a) PDC atau Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang bertanggungjawab atas kebersihan persekitaran?
  - (b) Berapakah kekerapan kerja pembersihan dijalankan? Senaraikan pembersihan jalan / laluan pejalan kaki / tanah lapang terbuka / perparitan.
  - (c) Jelaskan usaha PDC untuk mengatasi isu kebersihan ini.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. (a) Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bertanggungjawab dalam melaksanakan kerja-kerja pembersihan awam di kawasan Gat Lebu Macallum. Perkhidmatan yang diberikan adalah pembersihan jalan dan parit di kawasan jalan protokol/utama di sekitar kawasan tersebut serta pembersihan Kompleks Makanan Lintang Macallum 2. Bagi kawasan di sekitar Blok 344 - 362 Gat Lebu Macallum, kerja-kerja pembersihan persekitaran adalah terletak di bawah tanggungjawab Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Badan

Pengurusan (MC) yang berkaitan mengikut persempadanan masing-masing.

(b) Kekерapan kerja-kerja pembersihan yang dijalankan adalah seperti berikut:

| MBPP   | PDC   |
|--|---|
| Pembersihan jalan dan parit di kawasan jalan protokol / utama dan laluan pejalan kaki dilaksanakan pada setiap hari.   | Penurapan semula kerosakan jalan di Tempat Letak Kenderaan (TLK) mengikut keperluan semasa berdasarkan situasi di tapak.                    |
| Pembersihan Kompleks Makanan Lintang Macallum 2 dilaksanakan pada setiap hari selepas waktu operasi perniagaan tamat. Pembersihan secara <i>task force</i> dilakukan secara berkala pada setiap bulan.   | Penebangan / pemangkasan pokok-pokok mengikut keperluan semasa berdasarkan situasi di tapak.  |
| Kerja-kerja pembersihan di Taman Kejiranan Macallum dilaksanakan pada setiap hari, manakala kerja-kerja pemotongan rumput dilakukan sekurang-kurangnya dua (2) kali sebulan mengikut keperluan di tapak. | Mengubah kenderaan yang telah lama diletakkan di dalam kawasan TLK yang berkenaan.  |
| Kerja-kerja pemotongan rumput di bahu jalan dilaksanakan oleh kontraktor lantikan MBPP dengan kadar kekerapan sekurang-kurangnya dua (2) kali sebulan mengikut keperluan di tapak.                       | Sementara kerja-kerja penyelenggaraan di luar dari kawasan PDC adalah di bawah tanggungjawab Badan Pengurusan (MC) masing-masing atau MBPP. |

(c) Bagi mengatasi isu kebersihan ini, pihak PDC telah mengambil langkah-langkah seperti berikut :

(i). Membuat pemantauan secara berkala pada setiap suku tahun dan juga tindakan dibuat secara langsung

sekiranya terdapat aduan awam yang melibatkan tanah di bawah seliaan PDC; dan

- (ii). Berbincang bersama pihak Badan Pengurusan (MC)/MBPP bagi kebersihan Blok 344-362 dan kawasan yang terlibat mengikut persempadanan masing-masing.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

16. Huraikan rancangan projek mega Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang boleh dilaksanakan sebelum Pilihan Raya Negeri (PRN).
- (a) Adakah pasar Teluk Kumbar akan dibangunkan seperti yang dirancang? Jika ya, nyatakan tempoh pembinaan dan tarikh permulaan kerja.
  - (b) Adakah MBPP mempunyai kedudukan wang yang mencukupi bagi menampung kos pembangunan projek mega terhurai dalam jawapan bagi soalan prinsip?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) masih belum mempunyai perancangan khusus untuk melaksanakan projek mega sebelum Pilihan Raya Negeri (PRN) ke-16. Walau bagaimanapun, permohonan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) telah dibuat untuk beberapa projek yang berpotensi memberi manfaat kepada masyarakat. Perincian projek-projek tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Pihak MBPP juga turut terlibat dalam merancang projek pembangunan semula di beberapa buah lokasi tanah milik MBPP melalui pendekatan *Request for Proposal* (RFP). Perincian status pelaksanaan projek RFP adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

- (a) Pasar Teluk Kumbar akan dibangunkan seperti yang dirancang di mana kerja-kerja pembinaan Pasar Teluk Kumbar dijadualkan bermula pada hujung tahun 2024 dan dijangka mengambil masa selama 20 bulan. Pihak MBPP telah memperuntukkan bajet yang mencukupi bagi pelaksanaan projek ini.
  
- (b) Pihak MBPP akan memohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek-projek mega khususnya bagi pembangunan infrastruktur. Hal ini demikian kerana kedudukan tunai MBPP hanya mencukupi untuk menampung skop kerja-kerja penyelenggaraan dan perkhidmatan sedia ada sahaja.

**PERINCIAN PERMOHONAN PERUNTUKAN PROJEK DI BAWAH RANCANGAN  
MALAYSIA KEDUA BELAS (RMK12) BAGI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS  
BANDARAYA PULAU PINANG**

| <b>BIL.</b>                        | <b>NAMA PROJEK</b>   | <b>ANGGARAN KOS KESELURUHAN (RM)</b> |
|------------------------------------|--|--------------------------------------|
| 1.                                 | Projek Pemasangan Sistem Pengangkutan Pintar (Intelligent Transport System - ITS) di Pulau Pinang  | 150,000,000.00                       |
| 2.                                 | Projek Menaik Taraf Aliran Lalu Lintas di Kawasan KOMTAR dan sebahagian Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dari Gat Lebuh Cecil ke Pengkalan Weld, Pulau Pinang  | 54,450,000.00                        |
| 3.                                 | Cadangan Pembinaan Laluan Basikal di Persisir Pantai dari Hotel Flamingo, Tanjung Bungah sehingga Hotel Rasa Sayang Batu Ferringhi (Eco deck)  | 44,000,000.00                        |
| 4.                                 | Menaik Taraf Persimpangan Jalan Kelawai/ Jalan Tanjung Tokong/ Jalan Bagan Jermal dan Pembinaan Jalan Bawah (Underpass) dari Jalan Kelawai ke Jalan Tanjung Tokong   | 30,000,000.00                        |
| 5.                                 | Pembinaan Jalan Bawah (Underpass) untuk menghubungkan Jalan Mount Erskine ke Jalan Burma di Persimpangan Jalan Mount Erskine/ Jalan Gottlieb/ Jalan Burma/ Jalan Bagan Jermal Seksyen A: Jalan Bawah (Underpass) | 25,000,000.00                        |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN KOS (RM)</b> |  | <b>303,450,000.00</b>                |

**PERINCIAN PELAKSANAAN PROJEK SECARA *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP)  
BAGI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG**

| BIL. | PROJEK   | STATUS  |
|------|--|---|
| 1.   | RFP Tanah-tanah Milik MBPP di Jalan Perak          | Dokumen RFP telah disiapkan dan kini sedang dalam pertimbangan pihak MBPP. Iklan Tender untuk RFP tersebut akan dibuka semula pada Januari 2025.  |
| 2.   | RFP Tanah-tanah Milik MBPP di Jalan Shaik Madar    | Pihak MBPP kini dalam proses untuk melantik perunding bagi Kajian Lalu Lintas sebelum Tender RFP dibuka semula pada tahun 2025.   |
| 3.   | RFP Tanah-tanah Milik MBPP di Pulau Tikus          | Dokumen RFP kini sedang disediakan oleh jabatan yang berkaitan. Iklan tender untuk RFP akan dibuka pada tahun 2025.   |
| 4.   | RFP Bangunan Ikonik Milik MBPP di Jalan Sungai Dua | <p>Pihak MBPP dalam perancangan pembinaan sebuah bangunan milik MBPP di Jalan Sungai Dua di mana surat pelawaan perunding dan reka bentuk bangunan telah diedarkan kepada pihak Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) pada 29 Oktober 2024 dan pelawaan tersebut akan tutup pada 30 Disember 2024.</p> <p>Pihak MBPP juga dalam perancangan untuk membuat panggilan RFP pada tahun 2025 untuk pembangunan projek serta kawasan tersebut setelah pelantikan perunding dibuat.</p> |

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

17. Nyatakan rancangan jangka masa panjang Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) terhadap pasar borong ikan Lebuh Cecil.
- (a) Adakah MBPP mempunyai anggaran untuk membiayai ganti rugi atas bilik sejuk pemborong-pemborong ikan di tapak sekiranya diarah pindah?
  - (b) Senaraikan nama penyewa/ nombor stor pasar borong ikan Lebuh Cecil termasuk stor yang tidak diisi.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. MBPP masih dalam peringkat kajian bagi perancangan tapak pasar borong ikan di Lebuh Cecil memandangkan tapak tersebut hanya digunakan pada masa-masa tertentu sahaja.
- (a) MBPP buat masa ini tiada perancangan untuk membiayai ganti rugi ke atas bilik sejuk pemborong sekiranya diarahkan pindah dari pasar borong ikan Lebuh Cecil.
  - (b) Senarai nama penyewa/ nombor stor pasar borong ikan Lebuh Cecil termasuk stor yang tidak diisi adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

**SENARAI NAMA PENYEWA/ NOMBOR STOR PASAR BORONG IKAN  
LEBUH CECIL**

| <b>Bil.</b> | <b>Nama Pelesen</b>          | <b>No. Tapak</b> |
|-------------|------------------------------|------------------|
| 1.          | Cheah Kah Seng               | 1A               |
| 2.          | Ooi Eng Wah                  | 2                |
| 3.          | <b>Kosong</b>                | 2A               |
| 4.          | Tan Chan Hong                | 3                |
| 5.          | Hoo Chew Leng @ Ho Chew Bak  | 3A               |
| 6.          | Then Venthan a/l Mathialagan | 4                |
| 7.          | <b>Kosong</b>                | 4A               |
| 8.          | Ang Kah Hin                  | 5                |
| 9.          | Tan Haw Chuang               | 5A               |
| 10.         | Tan Bee Gaik                 | 6 & 6A           |
| 11.         | Chew Huay Khim               | 7                |
| 12.         | Teoh Siew Peng               | 7A               |
| 13.         | Quah Sow Wei                 | 8                |
| 14.         | Kuek Ah Hor                  | 8A               |
| 15.         | Tan Chooi Teck               | 9 & 9A           |
| 16.         | Soon Chun Keat               | 10               |
| 17.         | Chin Gook Khem               | 10A              |
| 18.         | Koay Ban Hong                | 11 & 11A         |
| 19.         | Yip Phooi Kuan               | 12               |
| 20.         | <b>Kosong</b>                | 12A              |
| 21.         | Teh Weng Seong               | 13 & 13A         |
| 22.         | Teh Yu Khoon                 | 14 & 14A         |
| 23.         | H'ng Hean Lee                | 15 & 15A         |
| 24.         | Ooi Ai Chen                  | 16               |

| <b>Bil.</b> | <b>Nama Pelesen</b>         | <b>No. Tapak</b> |
|-------------|-----------------------------|------------------|
| 25.         | Mohd Fazil bin Fazulul Hack | 16A              |
| 26.         | Yeap Cheng Teik             | 17&17A           |
| 27.         | Eu Wai Ming                 | 18               |
| 28.         | Tan Boon Hooi               | 18A              |
| 29.         | Tan Boon Heong              | 19               |
| 30.         | Tan Kim Pew                 | 19A              |
| 31.         | <b>Kosong</b>               | 20 & 20A         |
| 32.         | Tan Kwang Kiat              | 21 & 21A         |
| 33.         | Teoh Hock San               | 22 & 22A         |
| 34.         | Lim Seng Hooi               | 23               |
| 35.         | Kang Thean Seong            | 23A              |
| 36.         | Carine Teh Sing wei         | 24 & 24A         |
| 37.         | H'ng Boon Weng              | 25 & 25A         |
| 38.         | Soon Beng Gaik              | 26               |
| 39.         | Soon Hooi Leong             | 26A              |
| 40.         | Goh Kim Liang               | 27 & 27A         |
| 41.         | Soon Ewe Seng               | 28 & 28A         |
| 42.         | Lee Eng Hock                | 29 & 29A         |
| 43.         | Tan Kai Ping                | 30 & 30A         |
| 44.         | Ong Chye Hee                | 31 & 31A         |
| 45.         | Ang Guan Thye               | 32               |
| 46.         | Ooi Soon Seng               | 32A              |
| 47.         | Khor Lian Yan               | 33               |
| 48.         | Khor Lian Khai              | 33A              |
| 49.         | Khor Phee Kian              | 34 & 34A         |
| 50.         | Tan Hock Boon               | 35 & 35A         |
| 51.         | Lim Puay Eng                | 36 & 36A         |
| 52.         | Ooi Ewe Chye                | 37 & 37A         |

| <b>Bil.</b> | <b>Nama Pelesen</b>                   | <b>No. Tapak</b> |
|-------------|---------------------------------------|------------------|
| 53.         | Tan Lip Kwong                         | 38 & 38A         |
| 54.         | Soon Eng Joo                          | 39 & 39A         |
| 55.         | <b>Kosong</b>                         | 40 & 40A         |
| 56.         | Tan Pitt Chin                         | 41               |
| 57.         | Ooi Gim Gart                          | 41A              |
| 58.         | Tan Eng Wai                           | 42 & 42A         |
| 59.         | Ooi Swee Aun                          | 43 & 43A         |
| 60.         | Ooi Gim Heong                         | 44 & 44A         |
| 61.         | Muhammad Redzuan Sundram bin Abdullah | 45               |
| 62.         | Mohamed Fayiz bin Mohamad Ibrahim     | 45A              |
| 63.         | Gan Kim Chooi                         | 46               |
| 64.         | Gan Thian Ching                       | 46A              |
| 65.         | Lim Puay Guan                         | 47               |
| 66.         | Teh See Lay                           | 47A              |
| 67.         | Teh See Lin                           | 48 & 48A         |

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

18. Apakah rancangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) terhadap RM330,000.00 sedia ada daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi penaiktarafan Tapak Penjaja Sementara (TPS)/ Pasar Lebuh Cecil?
- (a) Bilakah *awning* antara TPS dan pasar basah di Pasar Lebuh Cecil yang telah lama dijanjikan itu akan dibina?
  - (b) Apakah rancangan MBPP terhadap pengumuman peruntukan RM1 juta oleh YB Menteri KPKT bertujuan penaiktarafan Pasar Lebuh Cecil?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan menggunakan peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebanyak RM350,000.00 (Asalnya RM330,000.00 tetapi telah diluluskan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan KPKT sebanyak RM350,000.00) bagi penaiktarafan bumbung/ *awning* antara Tapak Penjaja Sementara (TPS) dengan Pasar Lebuh Cecil di bawah Projek Naik Taraf Tahun 2024.
- (a) Pembinaan *awning* antara TPS dengan Pasar Lebuh Cecil akan dilaksanakan di bawah Projek Naik Taraf Tahun 2024. Ketika ini, MBPP telah memulakan kerja-kerja perolehan naik taraf Pasar Lebuh Cecil melalui kaedah sebut harga seperti perincian berikut:

| <b>BIL.</b> | <b>PERKARA</b>   | <b>TARIKH</b>    |
|-------------|------------------|------------------|
| i           | Iklan            | 4 November 2024  |
| ii          | Taklimat Tapak   | 11 November 2024 |
| iii         | Tutup Sebutharga | 18 November 2024 |

Kerja-kerja fizikal bagi projek ini dijangka bermula pada Disember 2024 dan siap pada April 2025.

- (b) MBPP kini sedang dalam perancangan untuk membangunkan semula keseluruhan tapak TPS yang merangkumi pelbagai aktiviti jenis jualan berasaskan keluaran pasar, makanan dan pasar borong serta dilengkapi dengan kemudahan tempat letak kereta bertingkat dengan penerapan elemen yang lebih moden dan pintar.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

19. Apakah cara penyelesaian Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk menangani masalah depo sampah pasar awam yang sering kali mendatangkan bau busuk dan menangani air sampah terlimpah ke atas jalan raya?
- (a) Huraikan rancangan untuk menaik taraf depo sampah di Pasar Lebuh Cecil dan Kompleks Lintang Macallum 2.
  - (b) Lori kontraktor sering merosakkan tong sampah, apakah cara penyelesaiannya?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Antara langkah-langkah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dalam menangani masalah depo sampah pasar awam yang sering kali mendatangkan bau busuk dan air sampah yang terlimpah ke atas jalan raya adalah seperti berikut:
- (i) Menyediakan kemudahan tong sampah jenis *Multilift Bin* (RORO) di kawasan pasar awam;
  - (ii) Menjalankan pungutan sisa sampah setiap hari dari tong sampah oleh lori kutipan kontraktor yang telah dilantik bagi memastikan tiada masalah limpahan sampah, *leachate* dan lain-lain berlaku;
  - (iii) Pengurusan sisa perlu memastikan kebersihan tapak setiap kali kerja-kerja pungutan dijalankan; dan

- (iv) Menjalankan penyeliaan dan pemantauan bagi memastikan lokasi persekitaran tapak tong sampah berada dalam keadaan baik.
- (a) MBPP sememangnya mempunyai cadangan bagi menaik taraf kemudahan depo sampah di Pasar Lebu Cecil pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya bergantung kepada pelan perancangan pembangunan dan peruntukan.

Pada masa kini, MBPP tiada sebarang cadangan untuk menaik taraf depo sampah di Kompleks Lintang Macallum 2, memandangkan lokasi tersebut merupakan kompleks milik persendirian.

- (b) Antara inisiatif yang telah diambil oleh pihak MBPP bagi menyelesaikan masalah berkenaan kerosakan tong sampah yang disebabkan oleh lori kontraktor adalah seperti berikut:
  - (i) Mengenal pasti kawasan aduan dan kontraktor yang terlibat dalam perkhidmatan pengurusan sisa pepejal;
  - (ii) Menjalankan siasatan di tapak; dan
  - (iii) Mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas kontraktor. Sekiranya aduan yang diterima itu berasas, seperti penukaran, penggantian dan pembaikan tong perlu dibuat dengan kos yang ditanggung oleh kontraktor sendiri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

20. Adakah dalam rancangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk menaik taraf Kompleks Lintang Macallum 2? Jika ya, huraikan.
- (a) Senaraikan kerja-kerja naik taraf yang telah dijalankan di kompleks tersebut sejak Pilihan Raya Negeri (PRN) 15.
  - (b) Adakah MBPP bersiap sedia untuk melonggarkan syarat menjaja kepada kategori lain supaya kompleks tersebut dapat dimajukan dengan pelbagai jenis jualan termasuk perkhidmatan?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Buat masa ini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tiada perancangan khusus untuk menaik taraf Kompleks Lintang Macallum 2. Walau bagaimanapun, perkara ini mungkin akan dipertimbangkan pada masa hadapan mengikut keperluan.
- (a) Kerja-kerja naik taraf di Pasar dan Kompleks Lintang Macallum 2 yang telah dijalankan oleh MBPP sejak Pilihan Raya Negeri (PRN) Ke-15 adalah seperti berikut:-
    - (i) Kerja-kerja memecahkan tembok gerai daripada H/S25 sehingga W/S23 bagi tujuan penambahbaikan peredaran udara di dalam kawasan kompleks tersebut; dan

- (ii) Menjalankan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan kecil di kawasan kompleks tersebut dari semasa ke semasa.
- (b) MBPP telah mengambil langkah yang sewajarnya dalam usaha menyumbang ke arah kemajuan kompleks tersebut. Sehubungan dengan itu, pihak MBPP telah melonggarkan syarat penjaja dengan membenarkan aktiviti perkhidmatan di bawah kategori barang am di kompleks berkenaan. Aktiviti-aktiviti yang dibenarkan adalah seperti berikut:-
- (i) Kedai gunting rambut;
  - (ii) Tukang kasut;
  - (iii) Gerai menjual/membaiki jam;
  - (iv) Tukang jahit pakaian;
  - (v) Perkhidmatan pembuatan kunci;
  - (vi) Penjualan buku;
  - (vii) Kedai alat tulis; dan
  - (viii) Kedai percetakan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

21. Bilakah rumah-rumah di tanah tambun tepi pantai Pengkalan Weld akan diperintah pindah?
- (a) Huraikan sistem pampasan bagi perintah pindah tersebut.
  - (b) Nyatakan syarat-syarat untuk menerima seunit Rumah Mampu Milik (RMM) B buat perintah pindah tersebut.
  - (c) Berapakah unit rumah (dan lokasinya) disediakan bagi menetapkan penduduk-penduduk perintah pindah tersebut?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Perintah pindah kepada penduduk di tepi pantai Pengkalan Weld dijangka akan dikeluarkan pada suku tahun ketiga tahun 2025 tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan setelah Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) Projek Rumah Mampu Milik (RMM) Pintasan Cecil diperoleh.
- (a) Penduduk yang terlibat dengan perintah pindah ini akan diberikan pampasan berdasarkan Garis Panduan Bayaran Pampasan/Wang Ehsan Kepada Penduduk/Setinggalan Yang Terlibat Dengan Projek Kerajaan iaitu pampasan sebuah rumah kos rendah (RMM A) atau pampasan wang tunai sebanyak RM42,000.00 (kadar bersamaan harga seunit rumah RMM A) berserta kos pindah.

- (b) Bancian dan *administrative hearing* akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri ke atas penduduk yang terlibat dengan perintah pindah tersebut bagi menentukan kelayakan mereka untuk menerima pampasan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah dinyatakan dalam Garis Panduan Bayaran Pampasan/Wang Ehsan Kepada Penduduk/Setinggalan Yang Terlibat Dengan Projek Kerajaan.
  
- (c) Sebanyak 280 unit RMM A di projek RMM Pintasan Cecil akan disimpan bagi tujuan tawaran dan penempatan semula penduduk yang terlibat dengan perintah pindah ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

22. Apakah strategi sementara yang bakal diimplimentasikan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas sewaktu tempoh pembinaan sistem Transit Aliran Ringan (LRT) yang pastinya akan membawa kesan dan beban terhadap keadaan lalu lintas sedia ada?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Kerajaan Negeri akan meneliti *Road Safety Audit (RSA)*, *Traffic Impact Assessment (TIA)* dan *Traffic Management Plan (TMP)* yang akan dikemukakan oleh pihak MRT Corp dalam pengurusan lalu lintas sewaktu dan selepas bagi pelaksanaan LRT Laluan Mutiara bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas terutamanya bagi tempoh sementara sewaktu pembinaan LRT.

Antara usaha-usaha untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas sewaktu tempoh pembinaan LRT adalah seperti berikut:

- (a) Melaksanakan jalan sehala dan tempat letak kenderaan bagi melancarkan pergerakan aliran lalu lintas terutama di kawasan tumpuan dari masa ke semasa;
- (b) Melaksanakan jalan sehala mengikut had masa di kawasan sekolah bagi melancarkan pergerakan aliran lalu lintas pada waktu masuk dan keluar sesi persekolahan;
- (c) Melaksanakan aktiviti pelebaran jalan/membuang bahu jalan dengan tujuan mewujudkan tempat letak kenderaan di sepanjang jalan bagi mengelakkan perletakan kenderaan yang menghalang aliran lalu lintas;

- (d) Menyusun semula aliran keluar masuk persimpangan dengan mengurangkan konflik lalu lintas bagi melancarkan pergerakan kenderaan;
- (e) Melaksanakan sistem letak kereta secara pintar, *Penang Smart Parking*;
- (f) Mensyaratkan kepada pemaju untuk menjalankan kajian impak lalu lintas dan melaksanakan penambahbaikan lalu lintas;
- (g) Penempatan pegawai Warden Lalu Lintas di lokasi kritikal kesesakan lalu lintas untuk mengawal keadaan lalu lintas bagi memastikan kesesakan yang berlaku berada di tahap yang paling minima; dan
- (h) Pelaksanaan *greenwave* di beberapa lokasi *hotspot* seperti di zon-zon perindustrian yang sesak sewaktu puncak.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri menggalakkan penduduk Pulau Pinang menggunakan pengangkutan awam dengan menyediakan perkhidmatan bas percuma melalui *Congestion Alleviation Transport* (CAT) Bridge iaitu laluan KOMTAR ke Bukit Mertajam serta laluan Seberang Jaya ke Bayan Baru dan pas kemudahan perjalanan tanpa had, Pas Mutiara. Kedua-dua inisiatif ini dibiayai Kerajaan Negeri dan disediakan untuk rakyat dengan kerjasama Rapid Penang.

Kerajaan Negeri juga menyediakan perkhidmatan *Bridge Express Shuttle Transit* (BEST) KOMTAR khusus bagi penjawat awam yang bekerja di KOMTAR dengan laluan seperti berikut:

- (i) Seberang Jaya – KOMTAR;
- (ii) Bertam – KOMTAR;
- (iii) Jawi – KOMTAR; dan
- (iv) Balik Pulau – KOMTAR

Selain itu, menggalakkan perkhidmatan feri bot laju untuk penumpang dan penunggang motorsikal dari George Town ke Seberang dan Seberang ke George Town.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

23. Adakah jambatan tanjakan tinggi berarah (directional ramp)/ terowong akan dibina bertujuan susur keluar trafik dari Gat Lebuhraya Prangin ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu?
- (a) Adakah ia merupakan sebahagian dalam pakej Transit Aliran Ringan (LRT) yang akan dibina oleh Persekutuan?
  - (b) Jika tidak, adakah Kerajaan Negeri bersiap sedia dengan peruntukan untuk membina?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempunyai perancangan untuk membina tanjakan berarah dari Jalan Magazine menuju dan membelok kanan ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.
- (a) Projek ini merupakan perancangan MBPP dan tidak terlibat dengan pakej LRT yang akan dibina oleh Kerajaan Persekutuan.
  - (b) MBPP melalui Kerajaan Negeri telah membuat permohonan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi membina tanjakan berarah ini di bawah *Rolling Plan* Kelima Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP5 RMKe-12).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

24. Apakah pandangan Kerajaan Negeri bahawa pembinaan jambatan tanjakan tinggi berarah (*directional ramp*) ataupun terowong dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu susur keluar ke Gat Lebuh Cecil dan kawasan Gat Lebuh Macallum boleh mengatasi masalah kesesakan lalu lintas sedia ada setiap hari pada waktu puncak?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berpandangan bahawa pembinaan tanjakan berarah (*directional ramp*) di persimpangan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Gat Lebuh Cecil atau Gat Lebuh Macallum boleh membantu mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut pada waktu puncak. MBPP mempunyai perancangan untuk membina tanjakan berarah dari Jalan Magazine membelok kanan ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan juga pusingan U bertingkat (*elevated U-turn*) di persimpangan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu / Gat Lebuh Macallum. Pembinaan tanjakan berarah dan pusingan U bertingkat ini akan membolehkan dua (2) lampu isyarat di persimpangan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu / Gat Lebuh Macallum dan Gat Lebuh Cecil dikeluarkan dan melancarkan aliran lalu lintas di kawasan tersebut. MBPP juga telah memohon peruntukan sebanyak RM54,500,000.00 dari Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) sejak *Rolling Plan* (RP) Pertama sehingga ke RP Ke-5 bagi membiayai pembinaan projek ini. MBPP masih menunggu keputusan terhadap permohonan ini daripada Kementerian Kewangan Malaysia.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

25. Bilakah dan di manakah projek Transit Aliran Ringan (LRT) akan dimulakan?
- (a) Adakah tapak kosong Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sedia ada depan Sri Saujana akan dijadikan sebagai stesen Macallum?
  - (b) Jika terdapatnya sebarang penukaran lokasi stesen, adakah sesi dialog bersama komuniti berkenaan akan diadakan sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. MRT Corp sebagai agensi pelaksana sedang dalam proses rundingan peringkat akhir dengan SRS Consortium berkenaan kontrak *Civil Main Contractor 1* (CMC1) untuk pembinaan Fasa 1 Laluan Mutiara iaitu daripada KOMTAR ke Pulau Silikon. Tarikh permulaan pembinaan adalah tertakluk kepada pemuktamadan rundingan tersebut.
- (a) MRT Corp mencadangkan tapak kosong Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang berada di hadapan Sri Saujana akan dijadikan sebagai kawasan hentian bas (*bus layby*) untuk Stesen Macallum dan trek simpangan (*switching track*) untuk laluan ke KOMTAR dan Penang Sentral.

Walau bagaimanapun, merujuk kepada Skim Rel Fasa 1 Laluan Mutiara yang diluluskan oleh Agensi Pengangkutan

Awam Darat (APAD) pada 7 Oktober 2024 yang lalu adalah masih berdasarkan kepada lokasi Stesen Macallum di atas tapak kosong PDC di hadapan Sri Saujana. Maklumat-maklumat terperinci perlu dirujuk dengan Kementerian Pengangkutan atau MRT Corp.

- (b) Memandangkan kawasan hentian bas (*bus layby*) dan trek simpangan (*switching track*) akan dibina di tapak kosong tersebut, MRT Corp mencadangkan supaya Stesen Macallum dianjak beberapa meter dari lokasi asal. Cadangan ini masih dalam kajian dan pihak MRT Corp akan mengadakan dialog bersama komuniti berkaitan sebagai sebahagian proses kajian impak sosial (SIA) yang akan dilaksanakan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

26. Adakah Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu sehingga ke bulatan Lebu Light, termasuk Pengkalan Weld dimiliki Jabatan Kerja Raya (JKR)?
- (a) Jika ya, adakah dalam rancangan Kerajaan Negeri untuk menyerahkan hak penyelenggaraan kepada JKR?
- (b) Jika ya, adakah prestasi penyelenggaraan dapat dipertingkatkan lagi berbanding dengan prestasi sedia ada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang memuaskan selama ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Sebahagian daripada Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (dari bahagian bawah jejambat Jalan Tunku Kudin) sehingga ke bulatan Lebu Light termasuk Pengkalan Weld adalah berada di dalam kawasan penyelenggaraan Had Sempadan Bandar George Town (*George Town City Limit* - GTCL). Manakala sebahagian lagi dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu adalah di bawah tanggungjawab penyelenggaraan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). GTCL ini adalah di bawah penyelenggaraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).
- (a) Pada masa kini, MBPP tiada perancangan untuk menyerahkan hak penyelenggaraan kawasan ini kepada JKR.

- (b) MBPP sentiasa komited dan berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pihak dan memastikan penyelenggaraan di kawasan tersebut dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

27. Adakah Kerajaan Negeri sudah memuktamadkan perancangan pembangunan bagi tanah tambun di sebelah Pangsapuri Pelangi? Huraikan.
- (a) Senaraikan pemohon dan cadangan bagi kertas cadangan yang diterima oleh Kerajaan Negeri sehingga kini.
  - (b) Adakah kerajaan setuju bahawa aktiviti industri / komersial termasuk bangunan pejabat akan menjejaskan keseimbangan sosial di kawasan Gat Lebu Macallum yang padat?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

27. Sehingga kini, pemberimilikan telah diluluskan kepada Perbadanan Ketua Menteri (CMI) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) bagi tanah tambun di sebelah Pangsapuri Pelangi.
- (a) Hanya CMI dan PBAPP sahaja yang mengemukakan permohonan pemberimilikan kepada Pihak Berkuasa Negeri dengan cadangan Pembangunan Landskap dan Rekreasi oleh CMI dan tujuan infrastruktur di bawah Projek *Submarine Pipeline* oleh PBAPP.
  - (b) Lazimnya sebarang cadangan aktiviti industri/komersial yang dirancang bagi sesuatu kawasan pemajuan dijangka akan mempergiatkan lagi perkembangan sektor ekonomi di kawasan tersebut. Aktiviti industri/komersial yang dijana juga akan memberi impak positif kepada penghuni-penghuni kawasan setempat dari segi penambahbaikan kemudahan infrastruktur, jalan, aksesibiliti, persekitaran fizikal (*built*

*environment*), peningkatan peluang perniagaan dan peluang pekerjaan serta kualiti kehidupan penghuni setempat. Cadangan pemajuan aktiviti industri/komersial yang dirancang baik berdasarkan konsep pembangunan mampan tidak akan menjejaskan keseimbangan sosial di kawasan Gat Lebu Macallum yang padat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

28. Berapakah peruntukan tahunan disediakan untuk menyelenggara struktur Jeti-jeti Klan di Pengkalan Weld?
- (a) Adakah peruntukan wajar dibekalkan bagi memelihara struktur warisan di tapak tersebut?
  - (b) Senaraikan dengan tarikh bagi kerja-kerja naik taraf / penyelenggaraan oleh Kerajaan Negeri terhadap Jeti-jeti Klan yang merupakan tapak warisan ini sejak Julai 2008.

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Tiada peruntukan secara tahunan yang disediakan untuk menyelenggara struktur jeti-jeti di Pengkalan Weld. Peruntukan penyelenggaraan bergantung kepada permohonan oleh YB Ahli Parlimen dan YB ADUN Pengkalan Kota. BVNC
- (a) Peruntukan bagi memelihara struktur warisan tersebut boleh dipertimbangkan berdasarkan permohonan dan kesediaan peruntukan bagi tujuan tersebut.
  - (b) Tiada kerja-kerja naiktaraf dan penyelenggaraan jeti-jeti menggunakan peruntukan spesifik Kerajaan Negeri sejak Julai 2008. Hanya peruntukan YB Ahli Parlimen dan YB Ahli Dewan Undangan Negeri yang telah digunakan untuk menyelenggara jeti-jeti di kawasan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(VII)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA  
YB WONG YUEE HARNG**

29. Telitikan jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan pihak lain bagi kerja-kerja pemuliharaan Fort Cornwallis yang dimulakan sejak beberapa tahun dahulu.
- (a) Huraikan kerja-kerja yang telah disempurnakan dan kos yang telah digunakan.
  - (b) Nyatakan garis masa untuk kerja-kerja yang akan dijalankan.
  - (c) Adakah projek ini dapat diselesaikan sebelum Pilihan Raya Umum (PRU) 16? Huraikan.

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Peruntukan keseluruhan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk kerja-kerja pemuliharaan Fort Cornwallis adalah sebanyak RM21,144,741.47. Manakala peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan melalui Insentif Pembaikan Bangunan Warisan Kategori 1 ialah sebanyak RM1,474,631.28 serta daripada Think City Sdn. Bhd. dan Yayasan Hasanah adalah sebanyak RM2,024,400.00.
- (a) Huraian kerja-kerja yang telah disempurnakan dan kos yang telah digunakan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
  - (b) Garis masa untuk kerja-kerja yang sedang dalam pelaksanaan adalah seperti di **LAMPIRAN B**. Walau bagaimanapun, perancangan bagi komponen baharu untuk kerja-kerja

pemuliharaan di tapak tersebut adalah bergantung kepada kesediaan peruntukan.

- (c) Projek Pemuliharaan Fort Cornwallis yang sedang dalam pelaksanaan ini akan diselesaikan sepenuhnya sebelum Pilihan Raya Umum (PRU)16.

## LAMPIRAN A

Kerja-kerja di Fort Cornwallis yang telah disempurnakan dan kos terlibat adalah seperti berikut:

| Bil.          | Projek                            | Huraian Komponen/ Skop Kerja   | Tahun                         | Kos (RM)              | Sumber Peruntukan  |
|---------------|-----------------------------------|--|-------------------------------|-----------------------|--------------------|
| 1.            | Projek Konservasi Kota Cornwallis | i. Kerja-kerja arkeologi dan ekskavasi ( <i>pilot project</i> ) di bahagian Barat parit kubu ( <i>moat</i> ), Kota Cornwallis ) (Fasa 1)   | 2017-2019                     | 2,993,321.42          | Kerajaan Negeri    |
|               |                                   | ii. Kerja-kerja lanjutan arkeologi dan ekskavasi di kawasan Barat Daya parit kubu ( <i>moat</i> ), Kota Cornwallis (Fasa 2)  |                               |                       |                    |
|               |                                   | iii. Kerja-kerja ekskavasi hadapan Ruang Simpanan ( <i>storeroom</i> ) (Kawasan 1) dan Kerja-kerja pembukaan semula dan ekskavasi kubu parit kubu ( <i>moat</i> ) di bahagian Selatan, Kota Cornwallis (Fasa 3)              |                               |                       |                    |
|               |                                   | Kerja-kerja ekskavasi sekeliling Ruang Simpanan ( <i>storeroom</i> ) (Kawasan 2 dan 3) dan Kerja-kerja pembukaan semula dan ekskavasi lanjutan kubu parit kubu ( <i>moat</i> ) di bahagian Selatan, Kota Cornwallis (Fasa 4) | 2020                          | 799,762.30            | Kerajaan Negeri    |
|               |                                   | Kerja-Kerja Konservasi Ruang Simpanan ( <i>storeroom</i> ) di Kota Cornwallis, George Town, Pulau Pinang   | 01 Oktober 2021 – 30 Jun 2022 | 814,855.33            | Kerajaan Negeri    |
| <b>Jumlah</b> |                                   |  |                               | <b>RM4,607,939.05</b> |                    |
| 2.            | Projek Konservasi Kota Cornwallis | Kerja-kerja arkeologi dan ekskavasi ( <i>pilot project</i> ) di bahagian Barat parit kubu ( <i>moat</i> ), Kota Cornwallis ) (Fasa 1)  | 2018                          | 1,300,000.00          | Think City Sdn Bhd |
| <b>Jumlah</b> |                                   |  |                               | <b>RM1,300,000.00</b> |                    |

**LAMPIRAN B**

Garis masa untuk kerja-kerja yang sedang dan akan dijalankan adalah seperti berikut:

| <b>Bil.</b> | <b>Projek</b>                     | <b>Skop Kerja</b>   | <b>Garis Masa (Tempoh)</b>  | <b>Kos (RM)</b> | <b>Sumber Peruntukan</b>  |
|-------------|-----------------------------------|---|---|-----------------|---|
| 1.          | Projek Konservasi Kota Cornwallis | Projek Penyediaan Semula Dan Konservasi Parit Kubu (Moat) Serta Pemindahan Dan Pembangunan Semula Astaka Kota Selera, Kota Cornwallis | i. Perunding:<br>01 September 2022 hingga 31 Disember 2025<br><br>ii. Kontraktor (Kerja Fizikal):<br>12 Jun 2023 hingga 11 Februari 2025) | 15,298,612.42   | Kerajaan Negeri   |
|             |                                   | Kerja-kerja Penyediaan Pameran (Muziologi) Di Ruang Simpanan (Storeroom), Kota Cornwallis   | i. Perunding:<br>25 Oktober 2024 hingga 24 Jun 2025<br><br>ii. Kontraktor (Kerja Fizikal):<br>15 November 2024 hingga 14 Mei 2025         | 1,238,190.00    | Kerajaan Negeri   |
| 2.          | Projek Konservasi Kota Cornwallis | Kerja-kerja Penyediaan Pameran (Muziologi) di Ruang Simpanan (Storeroom), Kota Cornwallis   | Januari hingga Disember 2024  | 724,000.00      | Think City Sdn. Bhd. dan Yayasan Hasanah                                    |
| 3.          | Projek Konservasi Kota Cornwallis | Komponen Tambahan Kerja-Kerja Penyediaan Pameran (Muziologi) di Ruang Simpanan (Storeroom), Kota Cornwallis                           | Disember 2024 hingga Disember 2025  | 1,474,631.28    | Kerajaan Persekutuan (Geran Insentif Pembaikan Bangunan Warisan Kategori 1) |